

08 FEB 1998

PEMBINAAN PUSAT LATIHAN UMNO TERTAKLUK KEPADA MAJLIS TERTINGGI

PEKAN, 8 Feb (Bernama) -- Pelaksanaan pembinaan Pusat Latihan Umno di Janda Baik, Bentong tertakluk kepada keputusan Majlis Tertinggi kerana ia membabitkan kos dan kemampuan parti sekarang, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya dua tapak seluas lebih 40 hektar dikenalpasti sesuai untuk pembinaan pusat berkenaan dan juruperunding telahpun diminta membuat anggaran kos pembinaannya.

Bagaimanapun perkara itu akan dirujuk kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT terlebih dahulu, katanya semasa ditemui pemberita pada majlis Hari Raya di sini.

Beliau berkata anggota MT Datuk Dr Yusof Nor ditugaskan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kurikulum untuk pusat latihan berkenaan.

MT dua tahun lepas bersetuju dengan cadangan penubuhan pusat latihan itu bagi meningkatkan kemampuan dan peranan parti sebagai badan pembina bangsa Melayu. Ia akan menyediakan kursus kepada pemimpin dan bakal pemimpin parti di semua peringkat.

Najib berkata pusat latihan itu merupakan cara untuk melengkapkan anggota-anggota Umno dengan kekuatan, kesedaran dan keilmuan yang boleh menggerakkan agenda Umno membawa reformasi kepada bangsa Melayu.

Katanya aktiviti juga merangkumi latihan bagi kepakaran tertentu seperti kemahiran berpidato. -- BERNAMA

ROS RON